

Analisis Konsep al-Lata’if Terhadap Al-Basmalah Dalam Tafsir Mafatih Al-Ghayb

Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi^{1*}
& Wan Nasyrudin Wan Abdullah²

^{1,2}Jabatan Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Penghubung
tokwedin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Salah satu aspek dalam Tafsir Mafatih Al-Ghayb oleh Imam Al-Razi adalah al-lataif iaitu makna halus dan mendalam di sebalik setiap ayat al-Quran. Kajian ini bertujuan mengenalpasti uslub dan tema al-lataif yang terkandung dalam ayat basmalah. Analisis dokumen menggunakan pakai perisian elektronik ‘Maktabah al-Syamilah’ versi 3.48. Pendekatan induktif, deduktif dan tematik digunakan bagi mengeluarkan tema utama al-lataif. Kajian ini mendapati empat uslub telah digunakan bagi mengetengahkan aspek al-lataif dalam basmalah. Selain itu, kajian ini mengenalpasti bahawa tema utama yang terkandung di dalamnya ialah akidah, tasawuf, kerohanian dan juga nahu bahasa Arab. Namun begitu, tema tasawuf mengenai kehalusan hubungan hamba dan Allah SWT menjadi tema utama yang paling banyak dihuraikan. Kajian ini menyimpulkan bahawa aspek al-lataif turut menjadi sebahagian tafsiran dan huraiyan ayat basmalah. Selain itu, kajian ini merumuskan bahawa aspek al-lataif yang dikeluarkan oleh Imam Al-Razi sarat dengan ilmu tasawuf yang mengerakkan hati nurani manusia untuk memahami dan merasai kehebatan sifat Al-Rahman dan Al-Rahim Allah SWT. Dengan itu, pengkajian terhadap al-lataif boleh membantu dalam usaha memperdalamkan keyakinan kepada Allah SWT dan penghayatan terhadap isi kandungan al-Quran dengan lebih sempurna.

Kata kunci: Al-Lata’if, Mafatih Al-Ghayb, Al-Razi, Tafsir, Al-Quran

ABSTRACT

Mafatih Al-Ghayb is a Quran commentary written by Imam Al-Razi. One unique aspect of his interpretation is the aspect of al-lataif. This study aims to identify the uslub and al-lataif themes in the basmalah. Description of al-lataif is an effort to highlight the miracle of the Quran from the aspect of language that can give flavor to the spiritual and human intellectual. This study used the method of

analysis of documents via electronic software 'Maktabah al-Syamilah' version 3:48. Inductive, deductive and thematic approaches were performed to issue a major theme of al-lataif contained in basmalah. The study found that there are four uslub used to highlight the aspect of al-lataif. In addition, this study identified that the main themes contained in basmalah are the theme of faith, tasawuf, spirituality and Arabic grammar. This article concludes that aspect of al-Lataif also part of basmalah interpretation and description section. In addition, this study concluded that an aspect of al-Lataif issued by Imam Al-Razi was laden with tasawuf aspect that moves consciences of men to understand and feel the grandeur of Al-Rahman Al-Rahim Allah SWT. Therefore, an assessment of al-Lataif can help in deepening belief in Allah and the contents of the Quran.

Keywords: Al-Lataif, Mafatih Al-Ghayb, Al-Razi, Tafsir, Al-Quran

1. Pendahuluan

Tafsir Mafatih Al-Ghayb atau Tafsir Kabir merupakan antara kitab tafsir muktabar yang sering menjadi fokus ramai pengkaji. Tafsir yang dikarang oleh Imam Fakhruddin Al-Razi ini turut dikategorikan sebagai al-tafsir bi al-ra'y yang terpuji dan diterima (Subhi al-Soleh, 1988). Antara keistimewaan tafsir yang ingin ditonjolkan dalam kajian ini adalah aspek perbahasan al-lataif yang dikemukakan oleh Imam Al-Razi. Berbanding dengan aspek lain yang terkandung dalam bidang pengajian Ulum al-Quran, aspek al-lataif masih kurang diberi perhatian. Dalam mengkaji al-Quran, aspek al-lataif mampu menampilkan keindahan dan keagongan kandungannya. Malah, aspek al-lataif juga mampu menjadikan proses tadabbur al-Quran lebih segar dalam menyelesaikan kebuntuan hidup yang dihadapi oleh masyarakat semasa (Al-Zahabi, 1976; M. Quraish, 1996). Ini disebabkan oleh wujudnya kesepadan perbahasan al-lataif dengan aspek yang lain seperti asbab al-nuzul, al-munasabat dan al-tanasub dalam bidang pengajian al-Quran. Dalam masa yang sama, perbahasan mengenai al-lataif memberikan satu keluasan dalam memahami al-Quran kerana hubungkaitnya dengan sekalian bidang ilmu yang bermanfaat buat kehidupan manusia sama ada ukhrawi mahupun duniawi (Fadl Hassan, 2008). Kajian ini menganalisis aspek al-lataif dalam ayat pertama surah al-Fatihah, iaitu basmalah dari aspek uslub dan tema yang diuraikan oleh Imam Al-Razi. Selain dari mengetengahkan aspek al-lataif oleh Imam al-Razi, kajian ini juga diharap dapat memberi satu penghayatan yang lebih kukuh terhadap al-Quran khususnya ayat basmalah.

2. Sorotan Literatur

Aspek al-lataif berkait rapat dengan kemukjizatan al-Quran dari sudut nilai retorika dan estetika bahasa. Melalui kitab yang berjudul I'jaz al-Qur'an Imam Abu Bakr al-Baqilani (wafat: 403H), mempelopori kajian terhadap nilai bahasa dalam al-Quran. Tokoh lain seperti al-Qadi Abd al-Jabbar al-Hamadhani (wafat: 415) dan Abd al-Qahir al-Jurjani (wafat 471H) juga antara pengkaji terawal dalam aspek kemukjizatan al-Quran (Abd al-Halim Hasyim al-Syarif 1991). Sebelum itu, Abu Hassan Ali al-Rummani (wafat 386H) dan juga Abu Sulayman al-Khattabi (wafat: 388H) turut didapati menulis makalah mengenai kemukjizatan al-Quran (Fadl Hassan, 2007).

Secara umumnya, semua penulis ini bersetuju bahawa kemukjizatan al-Quran lebih terserlah dalam aspek penampilan dan gaya bahasanya berbanding aspek-aspek yang lain (Fadl Hassan, 2008). Hasil karya mereka terus dikaji dan dikembangkan oleh generasi ulama terkemudian supaya pembaca al-Quran dapat mendalami pengertian tersirat dalam al-Quran serta membangkitkan kesan rohaniah kepada mereka. Untuk mencapai tujuan tersebut, mereka bukan sahaja mendalami bidang Ulum al-Quran, tetapi juga Ilmu Balaghah yang terdiri daripada Ilmu Ma'ani, Bayan dan Badi'.

Antara kitab yang membangkitkan kesan rohaniah kepada pembaca al-Quran adalah Lata'if al-Qur'aniyah oleh Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi, al-Ta'bır al-Quraniy dan Kitab Lamasat Bayaniyah fi Nusus min al-Tanzil oleh Fadil Salah al-Samira'i. Terdapat juga penulisan secara bersiri oleh Adnan 'Ali Rida al-Nahwi yang bertajuk Qabasat min al-Kitab wa al-Sunnah Tadabbur wa Zilal. Mukhtar Shakir Kamal pula telah menulis kitab Qabasat min Tadabbur al-Quran al-Karim. Antara contoh lain ialah Kitab al-Bahij fi Asalib al-Bayan fi al-Quran al-Karim wa al-Hadith al-Sharif wa Nusus min al-'Arabiyyah oleh Muhammad Ali Abu Hamdah dan Kitab Lata'if al-Mannan wa Rawa'i' al-Bayan fi Da'wa al-Ziyadah fi al-Quran oleh Fadl Hasan Abbas. Kesemua kitab yang dinyatakan cuba menampilkan pengertian-pengertian halus (al-lataif) yang terkandung dalam al-Quran meskipun tidak secara menyeluruh (al-Zahabi, 1993; al-Suyuti, 1988).

Antara tokoh yang mentafsirkan keseluruhan al-Quran pada zaman sebelum Imam al-Razi ialah Imam al-Qushayri (wafat: 465H). Beliau merupakan pentafsir pertama yang menggunakan kalimah al-lata'if dengan menamakan karya tafsir beliau sebagai Lata'if al-Isyarat. Beliau

mengarang tafsir ini dengan mengeluarkan pengertian dan makna yang tersembunyi lagi mendalam di sebalik lafaz yang terzahir. Namun, beliau meninggalkan sepenuhnya aspek-aspek lain dalam mentafsirkan al-Quran seperti kebiasaan yang dilakukan oleh para pentafsir, sama ada sebelum atau selepas beliau. Tafsir al-Qushayri ini juga boleh dikatakan hanya terkhusus bagi mereka yang sedang mengikuti jalan dan latihan tasawuf bagi mencapai kejernihan jiwa yang sejati atau disebut sebagai para salik (orang yang bersuluk). (al-Qushayri, t.th).

Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa Imam al-Razi adalah pentafsir pertama yang banyak mengutarakan aspek al-lata'if ini secara nyata tanpa mengabaikan aspek-aspek lain seperti asbab al-Nuzul, al-Munasabat, al-Tanasub dan sebagainya seperti yang terkandung dalam perbahasan Ulum al-Quran. Skop yang ditampilkan oleh Imam al-Razi dalam mengenangkan al-lata'if ini pula amat luas dan tidak terbatas dengan pengertian yang terkandung dalam ayat yang sedang ditafsirkan. Paling utama, pengkajian terhadap aspek al-lataif bertujuan melatih setiap Muslim untuk memperdalamkan lagi tadabbur dan penghayatan terhadap al-Quran. Dalam kajian ini, al-lataif difokuskan dalam ayat basmalah memandangkan basmalah adalah ayat pertama dalam surah al-Fatihah yang memiliki banyak fadhilat dan keutamaan kepada pembacanya.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan kaedah analisis dokumen. Teks yang dikaji adalah kitab Tafsir al-Kabir karangan Imam Fakhr al-Din al-Razi yang memfokuskan perbahasan al-lata'if dalam ayat basmalah. Perisian elektronik ‘Maktabah al-Syamilah’ versi 3.48 turut digunakan bagi membantu penyelidik untuk mengenal pasti data atau subjek kajian.

Pengkaji menggunakan pendekatan induktif dengan mengenal pasti kedudukan al-lata'if terlebih dahulu. Kemudian, analisis terhadap al-lata'if dilakukan dengan menghubungkait, mengkategorisasi, membina dan menyusun konsep untuk membentuk tema yang bersesuaian. Analisis terhadap maklumat yang bersifat umum disempurnakan dengan penelitian terhadap maklumat yang bersifat khusus (Rohana, 2003).

Selain itu, pendekatan deduktif juga digunakan bagi memperhalusi setiap perbahasan al-lata'if sehingga dapat mengenal pasti konsep al-lata'if yang ditampilkan oleh Imam al-Razi. Selain itu, kaedah, kecenderungan dan bentuk pendalilan yang beliau gunakan semasa menghuraikan dan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran turut ditampilkan

sehingga beliau mampu untuk mendatangkan al-lata’if ini. Seterusnya, metod penulisan beliau dalam menghimpun dan menampilkan kesemua al-lata’if ini diuraikan dengan menggunakan pendekatan deskriptif. Dengan pendekatan ini, aspek al-lata’if yang ditemui di sebalik ayat yang dikaji dapat digambar dan diuraikan. Kemudiannya analisis secara kritikal dilakukan dengan menggunakan pendekatan tematik untuk mengklasifikasikan tema utama dan tema-tema sampingan yang terkandung dalam himpunan al-lata’if ini (Rohana, 2003; Ahmad Sunawari, 2005).

4. Analisis Uslub Al-Lata’if Terhadap Basmalah

Al-lata’if adalah kata jamak bagi perkataan al-latif. (Ahmad Mukhtar, 2012). Menurut Ibn Faris (1994), akar kata bagi perkataan latif pula ialah lam-ta-fa yang menunjukkan makna kelembutan atau suatu perkara yang halus. Perkataan al-lutf atau al-latif pula menunjukkan makna tertentu berdasarkan konteks dan penggunaannya dalam sesuatu ayat. Sebagai contoh, apabila perkataan latif digunakan untuk menunjukkan kata-kata dan ucapan, ia bermaksud ucapan dan kata-kata yang halus, rumit dan tersirat. Ia juga menunjukkan maksud kehalusan makna (Ibn Manzur t.t.). Dalam konteks ini juga, latifah merujuk kepada setiap yang memberi isyarat kepada makna yang mendalam untuk difahami dan tidak dapat disingkapkan dengan lafaz (Ahmad Mukhtar, 2012). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa al-lata’if merujuk kepada pengertian mendalam lagi halus di sebalik setiap ayat al-Quran yang cuba ditafsirkan.

Analisis terhadap ayat basmalah dalam tafsir ini mendapati bahawa terdapat empat uslub yang ditampilkan oleh Imam Al-Razi iaitu (a) al-lata’if pada perkataan tertentu sahaja, (b) al-lata’if pada sebahagian ayat, (c) al-lata’if yang tidak mempunyai perkaitan dengan pentafsiran ayat dan (d) al-lata’if berdasarkan kepada al-munasabat. Berikut diuraikan penggunaan keempat-empat uslub tersebut:

- a) Al-lata’if pada perkataan tertentu dalam sesebuah ayat

Dalam membahaskan pentafsiran kalimah Allah pada basmalah, al-Razi berpandangan bahawa lafaz Allah adalah kata nama khas (ism ‘alam). Namun begitu, pendapat yang mengatakan bahawa lafaz Allah adalah kata terbitan (mushtaq), yang berasal dari kalimah yang mempunyai wazan turut dibahaskan.

b) Al-lata'if pada sebahagian ayat

Dalam pentafsiran basmalah juga, al-Razi telah memanjangkan perbahasannya terhadap nama-nama Allah dan membuat beberapa klasifikasi seperti (i) nama yang menunjuk kepada sifat hakiki, (ii) nama yang menunjuk kepada sifat tambahan (idafi) dan (iii) nama yang menunjuk kepada kedua-duanya sekaligus (Al-Razi, 2004).

c) Al-lata'if yang kurang mempunyai perkaitan dengan pentafsiran ayat

Al-Razi turut mendatangkan al-lata'if yang kurang mempunyai perkaitan dengan pentafsiran ayat. Contohnya, pengelasan nama Allah kepada nama yang menunjuk kepada (i) al-wujud semata-mata dan (ii) nama-nama yang menunjuk kepada kaifiyyah al-wujud (Al-Razi, 2004).

d) Al-lata'if berdasarkan kepada al-munasabat

Al-Razi juga mengemukakan al-lata'if mengenai tertib susunan al-isti'adhah dan al-basmalah yang menepati akal yang benar dan nas yang jelas. Ayat al-isti'adhah menunjukkan isyarat bahawa perlunya didahului penafian terhadap segala yang tidak sepatutnya diiktikadkan dalam perkara akidah dan yang tidak seharusnya dibuat dalam perkara amali. Kemudian disusuli oleh ayat al-basmalah sebagai isyarat terhadap apa yang seharusnya diiktikadkan dalam perkara akidah dan perkara yang semestinya dilaksanakan dalam perkara amali (Al-Razi, 2004).

5. Analisis Dapatan

Setelah meneliti usul penyampaian al-lata'if, pengkaji mendapati tema yang menonjol dalam penghuraian basmalah adalah:

a) Berkaitan dengan rukun iman (akidah)

al-lata'if yang pertama berkaitan dengan al-munasabah, iaitu perkaitan antara ayat al-isti'adhah dan ayat al-basmalah yang ditampilkan sebagai isyarat kepada persoalan nafi dan isbat yang terkandung dalam perkara akidah (Al-Razi, 1981). Al-lata'if yang dikeluarkan daripada bismillah berkait dengan salah satu nama-nama Allah iaitu huwa. Huwa yang bermaksud Dia merupakan kata ganti nama (ism damir). Imam al-Razi mengeluarkan al-lata'if kalimah tersebut dengan mendatangkan perbahasan Imam al-Ghazali yang menceritakan rahsia tauhid yang amat halus dan mendalam. Imam al-Ghazali mengatakan la ilaha illa Allah

adalah tauhid al-'awwam iaitu tauhid untuk orang awam, manakala la ilaha illa huwa adalah tauhid al-khawas, iaitu tauhid untuk mereka yang khusus sebagai ahli makrifah. Al-Razi (1981) telah memperkuuhkan pandangan ini dengan mendatangkan dalil daripada al-Quran dan akal.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهُهُ

Maksudnya: "Dan janganlah engkau menyembah Tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat-Nya."

(al-Qasas, 28: 88)

Menurut Al-Razi, ayat ini menunjukkan tahap tertinggi tauhid pada kalimah huwa. Berdasarkan penalaran akal pula, al-Razi mendatangkan perbincangan yang sangat mendalam dalam ilmu kalam iaitu perbahasan mengenai hakikat sesuatu. Beliau menyebut terdapat sekumpulan manusia dari kalangan ahli falsafah Muslim yang terpengaruh dengan Falsafah Yunani telah mengemukakan dakwaan bahawa pemberian kesan (ta'thir) pelaku (fa'il) bukan pada menjadi atau menciptakan mahiyyah (hakikat dan tabiat sesuatu perkara), tetapi ia tidak memberi kesan melainkan pada memberi sifat wujud kepada mahiyyah itu. Hal ini memberi implikasi bahawa Allah tidak menciptakan mahiyyah, di mana mahiyyah itu telah ada sedia kala lagi dalam bentuk quwwah atau potensi. Dakwaan ini dibantah oleh al-Razi dengan mengatakan bahawa wujud itu sendiri mahiyyah. Justeru, jika dakwaan ini tetap dipertahankan, ia mengimplikasikan bahawa Dia tidak dapat memberi kesan mencipta. Hal ini merupakan kebatilan yang harus ditolak kerana tanpa pemberian kesan qudrah-Nya, maka tidak akan ada langsung mahiyyah, haqiqah, bahkan thubut (pasti). Justeru di sini jelaslah bahawa tanpa Dia, tiadalah hakikat segala sesuatu (Al-Razi, 2004).

b) Berkaitan dengan Maqam Ihsan (Tasawuf - Kerohanian)

Kategori ini menempati sebahagian besar dari tema al-lata'if yang dikemukakan oleh al-Razi dalam tafsirnya. Terdapat 11 al-lata'if mengenai rahsia-rahsia tasawuf daripada nama Allah huwa yang bermaksud Dia iaitu:

- i. Maqam makrifah seseorang yang bergelar hamba dalam menyeru Tuhannya hanya setakat menggunakan damir gha'ib huwa iaitu kata ganti diri ketiga, Dia. Penggunaan kata ganti diri pertama seperti Ana atau Aku hanya layak digunakan oleh Allah. Begitu juga kata ganti diri kedua seperti anta atau kau

- tidak layak digunakan oleh seorang hamba yang mengakui kehinaan dan kefakiran dirinya di hadapan Tuhan yang Maha Agung.
- ii. Penggunaan lafadz huwa juga menunjukkan seseorang hamba itu mengakui bahawa selain daripada Allah itu adalah tiada langsung ('adm mahd). Hal ini kerana jika kita memanggil Ya Huwa (Wahai Dia) yang merupakan kata ganti ketiga, pasti tiada sesuatu pun di sana selain Allah, kerana jika di sana ada sesuatu yang lain, kata huwa itu boleh juga merujuk kepadanya kerana perkataan huwa itu tidak menunjukkan ia tertentu kepada yang mana satu. Justeru apabila disebut Ya Huwa pasti menunjukkan bahawa selain daripada Allah SWT itu tiada langsung.
 - iii. Apabila seseorang hamba berzikir mengingati Allah menerusi sifat-sifatNya, dia tidak akan tenggelam sepenuhnya dalam makrifah kepada Allah. Contohnya, jika dia menyebut Ya Rahman dia akan mengingati keluasan rahmat-Nya, justeru pada ketika itu tabiatnya akan cenderung untuk meminta sesuatu. Begitulah seterusnya dengan nama-nama dan sifat-sifatNya yang lain. Oleh yang demikian, zikir Ya Huwa tidak menunjukkan kepada sesuatu apa pun selain-Nya. Hal ini menyebabkan hatinya dilimpahi nur serta tidak dikotori kegelapan yang terhasil dari mengingati selain daripada Allah, maka dia memperoleh nur dan kasyaf yang sempurna.
 - iv. Sifat-sifat Allah yang diketahui oleh hamba terbahagi kepada dua kategori iaitu sifat al-Jalal dan sifat al-Ikram. Sifat al-Jalal menunjukkan sucinya Allah daripada sebarang kekurangan seperti tidak berjisim dan tidak bertempat. Manakala sifat al-Ikram menunjukkan Allah bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan seperti keadaanNya sebagai Pencipta sekalian makhluk dan menyusun mereka dengan segenap sistem yang sempurna. Jika seorang hamba memanggil atau memuji Allah dengan menyebut sifat-sifat al-Jalal seperti menyebut, Wahai Tuhan yang tidak buta dan tidak pekak dan lain-lain yang merupakan sifat-sifat kekurangan, hal ini menunjukkan buruknya adab. Begitu juga dengan keadaan jika seorang hamba memuji Allah dengan menyebut sifat-sifat al-Ikram ia boleh dinilai berdasarkan dua aspek. Yang pertama, kesempurnaan Allah pastilah lebih dan mengatasi kesempurnaan makhluk. Justeru memperkenalkan Yang Maha Sempurna Lagi Maha

Tinggi dengan cara yang rendah lagi hina merupakan adab yang buruk. Yang kedua, penyebutan contoh-contoh kepemurahan Allah seperti memberi makan dan sebagainya merupakan contoh yang sangat kecil berbanding khazanah qudrat Allah SWT. Justeru, memuji Allah dengan menafikan kekurangan makhluk pada-Nya atau dengan menisbahkan kesempurnaan makhluk kepada-Nya merupakan kelakuan yang buruk. Oleh yang demikian, pujian haruslah semata-mata kepada Dia dan kerana Dia.

- v. Kesungguhan dalam menekuni zikir huwa ini akan mewariskan kerinduan (al-shawq) kepada Allah yang merupakan selazat-lazat maqam yang paling memberikan kegembiraan dan kebahagiaan rohani. Kerinduan terhasil daripada kesedaran tentang keghaiban atau ketidakhadiran diri dalam menanggapi al-Haq. Ketidakhadiran ini adalah kerana diri bersifat dengan sifat-sifat kekurangan makhluk yang tertakluk kepada masa dan ruang. Apabila diri menyedari ketidakhadirannya menanggapi al-Haq adalah berpunca daripada keterpisahannya dengan al-Haq yang berbeza dari sudut kekurangan dan kesempurnaan, keberhajatan dan keterkayaan. Maka diri meyakini bahawa al-Haq bersifat dengan pelbagai kesempurnaan yang tertinggi daripada menyamai semua itu suatu apa pun dan diri meyakini bahawa gambarannya tidak hadir sama ada pada akal, fikir mahupun zikir. Perasaan merasai kesempurnaan itu walaupun sedikit dan dari sebahagian aspek sahaja akan menambahkan kerinduan untuk merasainya pada segenap tahap dan martabatnya. Oleh sebab tiadanya penghujung martabat dan tahap kesempurnaan, maka begitulah juga dengan martabat kerinduan itu tadi, tidak berpenghujung. Setiap kali seorang hamba sampai ke satu tahap yang lebih tinggi dari yang sebelumnya, maka lebih mudah rindunya memuncak dan meningkat naik. Itulah kesan daripada zikir ini. Maqam kerinduan kepada Allah pula adalah semulia-mulia maqam kerana rindu terhasil daripada sakit dan lazat yang bersilih ganti. Setakat mana yang ia sampai, maka ia menikmati kelazatannya. Walau bagaimanapun, setakat mana pula ia terhalang untuk sampai, maka setakat itu pulalah ia menderita kesakitannya. Dan ketika mana hilangnya kesakitan itu,

- bertambah-tambah pula kelazatan dan kegembiraan rohaniah itu.
- vi. Rahsia berikut adalah berdasarkan ilmu mantiq yang memerlukan dua muqaddimah untuk memahaminya. Pertama, ilmu terbahagi kepada tasawwur dan tasdiq. Tasawwur ialah menghasilkan gambaran objek pengetahuan pada diri tanpa menghukum kepadanya apa-apa. Tasdiq pula adalah menghasil pada diri gambaran tertentu, kemudian diri menghukumnya dengan sesuatu seperti wujud atau tiadanya ia. Setelah memahami ini, maka Imam al-Razi menyatakan bahawa tasawwur adalah maqam al-tawhid atau pengEsaan, manakala tasdiq adalah maqam al-takthir atau pembanyakkan, atau berbilang-bilang. Kedua, tasawwur pula terbahagi kepada dua. Pertama, tasawwur yang mampu akal untuk menanggapinya, dan yang kedua, tasawwur yang tidak mungkin akal untuk menanggapinya. Bahagian pertama adalah tasawwur mahiyyah murakkabah yang hanya dapat dilakukan dengan mendatangkan mahiyyah juzuk-juzuk murakkab itu. Tanggapan ini pun hanyalah dari sebahagian dimensi sahaja. Bahagian kedua pula adalah tasawwur mahiyyah basith yang suci dari sebarang tarkibat yang menyebabkan manusia tidak mungkin dapat melakukan apa-apa untuk menanggap mahiyyahnya itu. Menurut al-Razi, tasawwur mahiyyah basith adalah titik akhir dalam tauhid dan penjauhan daripada kathrah atau berbilang-bilang. Justeru, Ya Huwa adalah tasawwur semata-mata tanpa sebarang tasdiq, dan merupakan tasawwur terhadap hakikat yang suci daripada sebarang tarkib dan kathrah. Oleh yang demikian, ia adalah pengakhiran dalam tauhid dan penjauhan daripada kathrah, bahkan ia merupakan maqam yang tertinggi.
- vii. Hakikat zat Allah tidak dapat ditakrifkan dan semata-mata anugerah Ilahi seseorang itu hanya dapat merasai percikan-percikan cahayanya. Ia tidak dapat ditakrifkan kerana takrif sesuatu itu sama ada dengan dirinya sendiri, atau dengan juzuk-juzuk dirinya, atau menerusi perkara-perkara di luar hakikat dirinya. Takrif sesuatu dengan dirinya adalah mustahil kerana untuk mengetahui dirinya itu pun memerlukan takrif. Takrif dengan juzuk-juzuk dirinya juga adalah mustahil bagi Allah, kerana Allah tidak berjuzuk atau mempunyai tarkib susunan. Takrif menerusi perkara-perkara di luar hakikat dirinya juga mustahil bagi Allah kerana keadaan makhluk yang baharu tidak

- mempunyai apa-apa persamaan langsung dengan keadaan Allah yang qadim. Justeru tidaklah ada jalan lain melainkan insan menghadapkan mata akal dan rohnya kepada sumber cahaya hakikat itu dengan penuh pengharapan agar cahaya itu bersinar ketika dia sedang menghadapkan mata akal dan roh kepadanya maka berbahagialah dia menanggapi nur itu. Oleh yang demikian, kata-kata penzikir Ya Huwa akan mengarahkan mata akal dan roh kepada hadrat yang suci dengan harapan mendapat kebahagiaan itu.
- viii. Seseorang yang menemui pemerintah yang hebat lagi perkasa dan merenung dengan akalnya akan kehebatan dan keagungan pemerintah itu, pasti rasa keagungan itu akan menaklukinya sehingga menyebabkan dia lupa tentang perkara-perkara lain. Begitulah juga seorang hamba bila mengatakan Ya Huwa dan dia mendapat tajalli akal dan rohnya percikan nur kehebatan Zat itu, dirinya pasti akan dikuasai kedahsyatan, rohnya akan kebingungan, akalnya akan diliputi keterlupaan, menjadikan dia hilang kaitan daripada sebarang perkara lain daripada Zat itu.
- ix. Antara faedah zikir ini tersirat dalam hadis nabi SAW:
Maksudnya: "Siapa yang menjadikan keinginannya satu, maka Allah akan mencukupkannya keinginan dunia dan akhirat"
Dalam mengemukakan rahsia tersebut, Al-Razi menampilkan keadaan seorang hamba yang keinginannya di dunia dan akhirat tidak berpenghujung. Maka hajat-hajat yang tidak berkesudahan tidak mampu dicapai melainkan yang bersifat dengan qudrah yang tidak berpenghujung iaitu Allah. Justeru hamba sewajarnya menjadikan keinginannya disibukkan dengan berzikir mengingati-Nya sahaja, maka dengan rahmat-Nya nanti Dia akan mencukupkan keinginannya di dunia dan akhirat.
- x. Akal tidak mungkin menumpukan perhatiannya kepada dua perkara serentak. Apabila ia memfokuskan tumpuannya terhadap satu perkara, maka luputlah perkara-perkara lain dari perhatiannya. Justeru, adalah menjadi keutamaan untuk menjadikan hati dan akal sibuk dengan makrifah semulia-mulia maklumat, serta lidah sibuk dengan semulia-mulia yang diingati. Maka di sinilah kepentingan zikir Ya Huwa.
- xi. Zikir adalah semulia-mulia maqam sesuai dengan hadis qudsi dan sebaik-baik zikir adalah mengingati Allah dengan memuji tanpa membuat sebarang permintaan sesuai dengan hadis qudsi

yang bermaksud, “Siapa sibuk mengingati-Ku tentang Aku, maka Aku akan berikannya yang terbaik yang diberikan kepada orang-orang yang meminta.” Hamba adalah faqir yang berhajat. Apabila dia menyeru Tuannya dengan panggilan yang bersesuaian dengan permintaan serta permohonan, maka ia telah menjadi permintaan seperti jika ia menyeru Ya Rahman atau wahai Yang Maha Penyayang. Maksud disebaliknya ialah irham atau rahmatilah. Maka zikir-zikir seumpama itu menempati tempat permintaan dan permohonan, sedangkan telah dijelaskan bahawa sebaik-baik zikir adalah mengingati Allah dengan memuji tanpa membuat sebarang permintaan. Justeru zikir Ya Huwa menepati semua itu dan bolehlah dikatakan sebagai sebaik-baik zikir (Al-Razi, 2004).

c) Berkaitan dengan Ilmu Bahasa

Dalam perbahasan basmallah, terdapat klasifikasi nama-nama Allah yang menunjuk kepada sifat hakiki yang dibahagi pula kepada nama-nama yang menunjuk kepada al-wujud semata-mata dan nama-nama yang menunjuk kepada kaifiyyah al-wujud. Di antara nama-nama yang menunjuk kepada kaifiyyah al-wujud pula adalah al-Ka‘in yang akhirnya telah mengeluarkan sebuah al-lata’if yang sangat berharga dalam ilmu nahu.

Lafaz al-Ka‘in banyak didatangkan di dalam al-Quran yang merujuk kepada sifat Allah. Misalnya:

وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ٤٥

Maksudnya: “Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

(al-Kahfi, 18: 45)

Walau bagaimanapun, lafaz seperti ini yang merujuk kepada Zat Allah tidak ada yang didatangkan di dalam al-Quran, tetapi ia terdapat dalam beberapa hadis yang diriwayatkan mengenai doa-doa yang ma’thur daripada Nabi SAW seperti:

يَا كَائِنَا قَبْلَ كُلِّ كَوْنٍ، وَيَا حَاضِرَا مَعَ كُلِّ كَوْنٍ، وَيَا بَاقِيَا بَعْدَ انْفَضَاءِ
كُلِّ كَوْنٍ

Maksudnya: “Wahai Yang Ada sebelum setiap kejadian, Yang Hadir bersama setiap kejadian, Yang Kekal telah berakhir segala kejadian”.

Menurut ulama nahu pula, lafaz kana terbahagi kepada dua:

- i. Lafaz tam (sempurna) yang membawa maksud hadatha (berlaku), wujida (ada), dan hasala (terjadi). Lafaz kana di sini memadai hanya mempunyai marfu' baginya atau isim kana sahaja dan tidak memerlukan khabar.
- ii. Lafaz naqis (kurang sempurna). Lafaz kana di sini wajib mempunyai marfu' dan mansub baginya kerana telah hilang makna al-hadath padanya dan hanya kekal pada kalimah tersebut makna masa semata-mata.

Ulama nahu turut bersepakat bahawa kana dalam kedua-dua keadaan ini adalah fi'l iaitu kata perbuatan. Hal ini ditimbulkan mengundang bantahan al-Razi. Menurut beliau, lafaz kana yang naqis atau kurang sempurna, tidak boleh dikatakan ia adalah fi'l juga kerana fi'l adalah apa yang menunjuk kepada sesuatu kelakuan (hadath) berserta dengan masa (zaman). Jadi tidak boleh dikatakan telah hilang makna al-hadath padanya. Jika dikatakan bagi kana yang naqis terhasil makna al-kawn pada masa dahulu (madi), maka ketika itu ia menjadi seperti yang tam atau sempurna kerana telah mempunyai kedua-duanya.

Al-Razi kemudian mengatakan bahawa setelah melakukan penelitian, beliau telah menemui jawapannya. Beliau membuat ketetapan bahawa lafaz kana hanya membawa makna al-huduth, al-husul, dan al-wujud, tetapi hal ini terbahagi kepada dua:

- i. lafaz kana sempurna sandarannya kepada satu perkara iaitu bermakna perkara itu telah ada atau berlaku (hadatha), atau telah terjadi (hasala) kepada perkara itu sahaja, jadi cukuplah dinyatakan ism kana sahaja dan tidak memerlukan khabar.
- ii. lafaz kana tidak sempurna faedahnya melainkan disebut kedua-dua ism iaitu untuk menyifatkan (mawsufiyyah) sesuatu perkara dengan perkara yang lain.

Beginilah penyelesaian yang dibuat beliau bagi menjawab permasalahan dalam ilmu nahu tersebut (Al-Razi 1981).

6. Kesimpulan

Dengan memfokuskan basmalah, dapat dibuat kesimpulan bahawa aspek al-lataif yang dihuraikan turut menjadi sebahagian tafsiran dan huraian ayat. Skop perbahasan al-lataif dalam ayat basmalah adalah amat luas dan tidak terbatas kepada pengertian zahir ayat semata-mata. Tema yang paling banyak disentuh oleh al-Razi ialah perbahasan mengenai tasawuf

dan kerohanian, diikuti dengan persoalan akidah dan akhirnya terdapat juga perbahasan mengenai ilmu nahu. Al-lata’if dalam basmalah khususnya dalam tema tasawuf dan akidah turut menggambarkan keseluruhan kandungan al-Quran yang menzahirkan keperihalan sifat Ar-Rahman dan Al-Rahim Allah SWT. Penjelasan mengenai al-lata’if dalam basmalah juga memberikan satu penekanan untuk setiap Muslim mengamalkannya pada setiap perbuatan yang ingin dilakukan dengan penuh keimanan dan pengharapan terhadap kasih sayang Allah SWT.

7. Rujukan

Abd al-Halim Hasyim al-Syarif. (1991). Al-Baqillani wa Juhuduh fi I‘jaz al-Quran. (Cet.1). Qaherah: al-Sadad li Khidmah al-Tiba‘ah.

Abdullah, M. Amin (2001). Al-Ta’wil al-Ilmi: Ke arah perubahan paradigma penafsiran kitab suci. Al-Jami‘ah: Journal of Islamic Studies.39 (2): 34-56.

Ahmad Mukhtar, ‘Abd Al-Hamid ‘Umar. (2012). Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘asirah. Beirut: ‘Alim al- Kutub.

Ahmad Rabi’. (1991). ‘Ulum Balaghah al-‘Arabiyyah. Amman Jordan: Dar al-Fikr.

Ahmad Sunawari Long (2005), Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam, Bangi: Malaysia.

Ahmad Von Denffer, ‘Ulum al-Qur’an, An Introduction to the Sciences of the Qur’an (London: The Islamic Foundation).

Al-Alusi al-Baghdadi. (1985). Tafsir Ruh al-Ma‘ani. (Jzk.1-2, Cet.4). Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Al-Andalusi, Muhammad Ibn Yusuf (1993). Tafsir Al-Bahr Al-Muhit. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

Al-Dhahabi, Muhammad Husayn (2000). Al-Tafsir wa Al-Pentafsirun. (cet. 7). Kaherah: Maktabah Wahbah.

Analisis Konsep al-Lata'if Terhadap Al-Basmalah

Al-Bāqillānī, Abu Bakr Muhammad bin al-Ṭayyib (1994), *Tjāz al-Qur’ān*, Tahqiq Abu Bakr Abd al-Razzāq, Fajjālah: Maktabah Misr.

Al-Jurjani, ‘Abd al-Qahir bin ‘Abd Rahman bin Muhammad (1991). Asrar al- Balaghah, ed. Mahmūd Muhammad Syakir. Qaherah: Mathba‘ah al-Madani.

Al-Jurjani, ‘Ali Bin Muhammad (1985). *Kitab Al-Ta‘rifat*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Al-Kumi, Ahmad al-Sayyid dan al-Qasim, Muhammad Ahmad Yusuff. 1974. *Ulūm al-Qur’ān*. Kaherah: Matbaah Isa al-Bab al-Halabi

Al-Qattan, Manna‘ Khalil (1998). *Mabahith fi ‘Ulum al-Quran*, Beirut: Dar al- Fikr

Al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husain bin Muhammad. Tahqiq Yusuf al- Sheikh Muhammad al-Biqai (2009). *Mu’jam Mufrodāt al-Alfāz al-Qur’ān*. Beirut: Dar al-Fikr,

Al-Razi, Fakhr al-Din (1981). *Tafsir mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar al- Fikr.

Al-Razi, Fakhr al-Din (2004). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyya.

Al-Suyuti. (1396H). *Tabaqat al-Pentafsirin*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (1988). *Al-Itqan fi ‘Ulum al- Quran*. Beirut: Al-Maktabat al-‘Asriyyah.

Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Razzaq (t.t). *Taj al- ‘Arus min Jawahir al-Qamus*. Dar al-Hidayah

Al-Zahabi, Muhammad Husain. (1976) *Al-Tafsir wa al-Pentafsirun*. Kaherah: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

Al-Zahabi, Muhammad Husain (1976). *Al-Tafsir wa al-Pentafsirun*. Kaherah: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

Al-Zamakhsyari.(t.t). Al- Kasyaf ‘An Haqa’iqat - Tanzil Wa ‘Uyunal-Aqawil Fi Wujuhat-Ta’wil.

Al-Zhahabi (1993). Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-A‘lam (juz’ 43), Beirut : Dar al-Kutub al-‘Arabi.

Fadl Hassan ‘Abbas (2007). Al-Pentafsirūn, Madārisuhum wa Manāhijuhum. Jordan: Dār al-Nafāis.

Fadl Hassan ‘Abbas (2008). I‘jaz al-Quran al-Karim. Beirut: Dar al-Fikr.
Ibn Faris, Ahmad (1994). Mu‘jam Maqayis al-Lughah. Bayrut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir (1993). Tabaqat al-Shafi‘iyyin, Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

Ibn Khallikan (1971). Wafyat al-A‘yan wa Anba’ al-Abna’ al-Zaman (Juz’ 4). Beirut: Dar al-Sadir.

Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram (t.t). Lisān al-‘Arab, Beirut: Dar Sādir.

Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (t.t.). Lisan Al-‘Arab. Beirut: Dar Al-Ma‘arif.

Ibrahim Mustafa et al. (2004). Al-Mu‘jam Al-Wasit. (cet. 4). Kaherah: Maktabah Al-Shuruq Al-Dawliyyah.

M. Quraish Shihab et. al., (1999), Sejarah Ulum al-Quran, Dlm. Azyumardi Azra, Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.

M. Quraish Shihab (1996), Wawasan al-Quran, Tafsir Maudhu‘i Atas Pelbagai Persoalan Umat, Bandung: Penerbit Mizan.

Rohana Yusof (2003). Penyelidikan Sains Sosial, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Selamat Amir, Monika@Munirah Abd Razak, & Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff. (2015). Epistemologi Pentafsiran Saintifik al-Quran:

Analisis Konsep al-Lata'if Terhadap Al-Basmalah

Tinjauan Terhadap Pendekatan Zaghlul Al-Najjar Dalam Pentafsiran Ayat Al-Kawniyat. *Jurnal Perspektif*, 7(2), 57–65.

Subhi al-Salih (1988). *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dar al-Ilm lilmalāyīn.

Zaghlul al-Najjar (2007). *Tafsir al-Ayah al-Kawniyah fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah.

